



UNIVERSITY OF CAMBRIDGE INTERNATIONAL EXAMINATIONS
International General Certificate of Secondary Education


CANDIDATE
NAME

CENTRE
NUMBER

--	--	--	--

CANDIDATE
NUMBER

--	--	--	--



MALAY

Paper 2 Reading and Directed Writing

0546/02

May/June 2012

1 hour 30 minutes

Candidates answer on the Question Paper.

No Additional Materials are required.

READ THESE INSTRUCTIONS FIRST

Write your Centre number, candidate number and name on all the work you hand in.

Write in dark blue or black pen.

Do not use staples, paper clips, highlighters, glue or correction fluid.

DO NOT WRITE IN ANY BARCODES.

Answer **all** questions in **Section 1, Section 2 and Section 3.**

At the end of the examination, fasten all your work securely together.

The number of marks is given in brackets [] at the end of each question or part question.

For Examiner's Use	
Section 1	
Section 2	
Section 3	
Total	

This document consists of **15** printed pages and **1** blank page.




Bahagian 1

Latihan 1 Soalan 1–5



Pilih jawapan yang betul untuk soalan-soalan di bawah ini:

1 Anda mahu berenang. Ke mana harus anda pergi?


A	
---	--



B	
---	--



C	
---	--



D	
---	--

[1]

2 Kita boleh memancing di ...

A	
---	--

sungai.

B	
---	--

hutan.

C	
---	--

bukit.


D	
---	--

ladang.



[1]

3 Cuaca untuk esok: hujan lebat. Anda harus pakai ...


A	
---	--



B	
---	--



C	
---	--



D	
---	--

[1]

4 Moorti lapar sebab dia ...

A tidak tidur.

B tidak bersenam.

C tidak makan.

D tidak mandi.

[1]

5 Anda buat apa dengan kasut?

A main

B minum

C baca

D pakai

[1]

[Jumlah: 5 markah]






Latihan 2 Soalan 6–10

Umi dan kawan-kawannya sedang bercakap tentang minat mereka serta cita-cita mereka. Tulis huruf setiap orang dalam kotak yang betul mengenai cita-cita mereka:

A	Umi:	“Dari kecil saya minat melukis pakaian. Saya mahu jadi seorang pereka fesyen.”
B	Sanjay:	“Saya dan abang saya suka pelihara binatang. Saya ingin jadi doktor binatang.”
C	James:	“Saya ingin ikut apa bapa saya buat. Dia bekerja di sekolah.”
D	Mona:	“Ibu saya merawat pesakit. Saya juga ingin merawat pesakit.”
E	Rudi:	“Saya minat dalam bidang sains dan saya mahu bekerja dalam makmal.”
F	Lee:	“Saya fikir kita mesti selalu bersenam untuk jaga kesihatan badan. Saya mahu bekerja dalam bidang ini.”

5

For
Examiner's
Use



[Jumlah: 5 markah]

Latihan 3 Soalan 11–15

Baca laporan tahunan Kelab Sejarah Sekolah Menengah Seri Intan dan jawab soalan-soalan berikutnya dengan menandakan Betul atau Salah:

Tahun 2011 ialah tahun yang sangat sibuk bagi ahli-ahli Kelab Sejarah. Kita telah menjalankan banyak aktiviti yang berguna sepanjang tahun. Tahun ini kita telah mengadakan lima lawatan ke tempat-tempat bersejarah: empat di dalam negara dan sebuah tempat di luar negara, iaitu di Indonesia.

Lawatan juga dibuat ke Melaka, Pulau Langkawi, Pulau Pinang dan Kedah. Dari lawatan ini, ahli-ahli kelab rasa lebih berminat terhadap sejarah negara mereka.

Antara aktiviti lain yang dijalankan ialah persembahan cerita Hang Jebat. Persembahan ini telah mendapat sambutan orang-orang tempatan. Dari jualan tiket untuk persembahan ini kelab berjaya mengutip sebanyak RM2,000. Wang ini boleh digunakan untuk aktiviti kelab tahun depan.

Aktiviti-aktiviti kelab telah dapat menarik perhatian Persatuan Sejarah Negara dan mereka telah berkata mereka akan menyokong aktiviti kelab kita di masa depan. Mereka juga telah memberi nama-nama tokoh dan pakar sejarah yang akan melawat kelab kita untuk memberi ceramah mengenai topik-topik yang berkaitan.

Jumlah ahli kelab telah bertambah sebanyak tiga puluh peratus dan ini sangat menggalakkan.

Tandakan **betul** atau **salah**.


	BETUL	SALAH	
11 Dalam tahun 2011 ahli-ahli Kelab Sejarah ada banyak aktiviti.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	[1]
12 Ahli-ahli Kelab Sejarah melawat tempat-tempat di luar negara sahaja.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	[1]
13 Persembahan ahli-ahli kelab merugikan.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	[1]
14 Kelab Sejarah akan mendapat penceramah untuk bercakap mengenai isu-isu sejarah.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	[1]
15 Jumlah ahli kelab semakin kurang.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	[1]

[Jumlah: 5 markah]


Latihan 4 Soalan 16

16 Kawan anda, Maria, akan datang ke majlis hari jadi anda. Hantar kepada Maria panduan untuk pergi ke rumah anda.


(a) Di manakah dia harus menaiki bas?



(b) Di manakah dia harus turun dari bas?



(c) Di mana rumah anda?



[Jumlah: 5 markah]

Bahagian 2**Latihan 1 Soalan 17–24**

Iklan ini ialah untuk para pelajar yang mahu belajar bahasa asing di sebuah pusat bahasa. Baca dan jawab soalan-soalan berikutnya:

PUSAT BAHASA AZIZA - PINTU ANDA KE DUNIA LUAR

Dunia menjadi semakin kecil. Perjalanan dari sebuah negara ke sebuah negara yang beribu-ribu kilometer jauhnya sudah menjadi perkara biasa; sama ada untuk bekerja atau bercuti. Untuk menikmati sesuatu budaya dan merasa selesa dalam sesebuah masyarakat, bahasa mereka perlu dipelajari.

Kami di Pusat Bahasa AZIZA menyediakan kursus bahasa asing yang dibentuk khas untuk keperluan anda, sama ada untuk bekerja, untuk bercuti, untuk menguruskan perniagaan atau semata-mata untuk mempelajari bahasa asing.

Kami menyediakan bahasa Perancis, bahasa Jerman, bahasa Itali, bahasa Sepanyol, bahasa Arab, bahasa Turki dan banyak lagi bahasa.

Kursus bahasa disediakan untuk peringkat permulaan, peringkat pertengahan dan peringkat tinggi. Kalau anda perlu bercakap sesuatu bahasa itu secepat mungkin, anda boleh belajar sendiri dengan seorang guru. Kelas berkumpulan juga disediakan.

Guru-guru bahasa kami mempunyai kelayakan tinggi dalam bahasa yang mereka ajar dan kebanyakan mereka sudah bertahun-tahun mengajar.

Guru-guru kami juga boleh pergi ke tempat anda untuk mengajar anda, sama ada di rumah anda atau di pejabat anda. Untuk pelanggan profesional, guru-guru boleh datang ke pejabat anda. Walaubagaimanapun, yuran untuk perkhidmatan ini lebih tinggi berbanding dengan yuran untuk kursus yang diadakan di tempat kami.

Selain daripada kursus bahasa, guru-guru kami juga boleh mengajar tentang budaya dan sejarah berhubung dengan bahasa yang anda pelajari. Jika anda inginkan pengalaman yang lebih mendalam kami juga boleh menempatkan anda dengan sebuah keluarga yang bertutur bahasa itu selama seminggu atau lebih.

Tempat untuk kursus-kursus bahasa adalah terhad. Sila hubungi kami dengan segera supaya anda tidak akan kecewa! Mereka yang membuat permohonan awal akan mendapat potongan harga pada yuran anda!

- 17 Menurut teks, mengenali sesebuah bahasa membolehkan anda membuat apa?
 (i) [1]
 (ii) [1]
- 18 Beri satu sebab mengapa seseorang itu belajar bahasa asing?
 [1]
- 19 Apakah cara paling cepat mempelajari sesuatu bahasa di Pusat Bahasa AZIZA?
 [1]
- 20 Selain daripada kelayakan mereka, apa lagi yang anda tahu mengenai guru-guru di pusat bahasa itu?
 [1]
- 21 Kalau anda tidak boleh pergi ke Pusat Bahasa AZIZA, apakah pilihan lain?
 (i) [1]
 (ii) [1]
- 22 Apakah mungkin menjadi masalah dengan pilihan yang lain itu?
 [1]
- 23 Apakah lagi yang boleh dipelajari di pusat bahasa itu?
 [1]
- 24 Menurut teks, apakah faedah tinggal bersama keluarga yang bertutur bahasa yang anda ingin pelajari?
 [1]

[Jumlah: 10 markah]

Latihan 2 Soalan 25

25 Tulis mengenai negara yang anda ingin kunjungi.

Kandungan karangan ini mestilah termasuk:

- Mengapakah anda mahu pergi ke negara ini dan apakah yang anda akan buat di sana?
- Siapakah yang akan pergi dengan anda dan untuk berapa lama?
- Apakah persiapan anda untuk pergi ke negara ini?

Panjang karangan tidak melebihi 100 perkataan.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[Jumlah: 15 markah]

PLEASE TURN OVER FOR SECTION 3.

Bahagian 3**Latihan 1 Soalan 26–31**

Laporan ini ialah mengenai sebuah pesta budaya Malaysia. Baca dan tandakan sama ada ayat-ayat berikut betul atau salah. Bagi setiap ayat yang salah, tulis satu ayat untuk membetulkannya.

Dalam bulan September tahun lalu, untuk pertama kali, London menjadi tempat untuk Pesta Budaya Malaysia. Sejumlah sepuluh kumpulan kebudayaan dari Malaysia telah mengambil bahagian. Pesta ini diadakan di Trafalgar Square, di pusat kota London. Tujuan pesta ini diadakan ialah untuk memperkenalkan budaya Malaysia kepada orang-orang tempatan. Pesta selama satu hari itu telah menarik 25,000 pelawat. Selain daripada persembahan budaya, ada beberapa buah gerai yang menjual makanan tradisional dari Malaysia. Ini merupakan tarikan hebat. Beberapa buah filem Malaysia juga ditayangkan.

Pesta itu bermula pada jam 11 pagi dan tamat pada jam 7 malam. Antara persembahan ialah tarian Melayu, Cina dan India, dan juga tarian-tarian dari Sabah dan Sarawak. Di samping itu juga ada permainan tradisional serta persembahan dan nyanyian oleh penyanyi-penyanyi terkenal dari Malaysia.

Ramai orang tempatan serta para pelancong dari negara-negara jiran pergi untuk menikmati persembahan-persembahan itu. Kami telah menemubual beberapa orang pelancong mengenai pendapat mereka tentang pesta tersebut.

Kurt Spengler, dari negara Jerman, berkata:

“Saya tidak pernah menonton persembahan yang sebegitu menarik. Pasti sekali saya akan melawat Malaysia. Saya akan simpan wang untuk membeli tiket pergi ke sana.”

Miguel Diaz, dari Mexico, berkata:

“Saya tak sangka saya akan suka muzik tradisional Malaysia sebab ia sangat berbeza dengan muzik barat. Tetapi selepas mendengar beberapa buah lagu, saya tukar fikiran - ianya hebat.”

Mereka yang menonton filem-filem Malaysia berkata mereka kesal mereka tidak tahu lebih banyak mengenai industri filem Malaysia.

Penganjur pesta itu berkata: “Ini merupakan satu kejayaan besar dan pasti sekali kami akan mengadakannya lagi di London tahun depan.”

Contoh:

	BETUL	SALAH
Pesta budaya Malaysia diadakan dalam bukan Oktober. Pesta budaya Malaysia diadakan dalam bulan September.	<input type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>
26 Pesta budaya Malaysia selalu diadakan di London.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
27 Pesta itu berlangsung sepanjang hujung minggu.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
28 Makanan Malaysia di pesta itu sangat digemari.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
29 Kurt Spengler akan pergi melawat Malaysia dengan serta merta.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
30 Miguel kecewa dengan muzik tradisional Malaysia.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
31 Beberapa orang ingin tahu lebih banyak lagi mengenai industri filem Malaysia.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

For
Examiner's
Use

[Jumlah: 10 markah]

Latihan 2 Soalan 32–40

Adam telah menempah dewan di sebuah hotel untuk majlis hari jadi ibunya. Selepas majlis itu Adam telah menulis kepada pengurus dewan itu. Baca surat ini dan jawab soalan-soalan berikutnya.

Adam Ismail,
No: 4 Apartmen 8,
Taman Kenanga,
Ipoh

Kepada:
Alan Wong
Pengurus,
Dewan Purnama,
Ipoh

Tuan,

Kawan bapa saya telah sarankan saya menempah Dewan Purnama untuk mengadakan majlis hari jadi ibu saya pada 10 Mei 2012. Dia berkata hotel ini menyediakan banyak kemudahan untuk majlis dan menghidangkan makanan yang sedap.

Pada mulanya saya akui saya bimbang mengenai perbelanjaan untuk majlis yang mewah ini di sebuah hotel lima bintang. Tapi sekarang saya rasa semuanya berpatutan.

Alangkah baiknya sebelum majlis tersebut saya telah bertemu dan berbincang dengan anda mengenai apa yang saya mahu anda sediakan. Hasilnya, kami diberikan apa yang kami mahu.

Walaupun ada masalah yang tidak dijangka, anda dan kakitangan anda menangani semuanya dengan baik dan cekap.

Kereta ibu saya rosak dan dia lambat sampai. Makanan tetap sedap dan menyelerakan, terutama sekali masakan sayuran bagi mereka yang tidak makan daging. Kata ibu saya, masakan ayam, iaitu makanan kegemarannya ialah yang terbaik yang pernah dia makan. Kakitangan hotel sangat mesra dan ramah. Ini sangat dihargai terutama sekali oleh para tetamu yang lebih tua.

Selepas makan kami dihiburkan oleh hiburan lagu dan nyanyian yang sesuai untuk menari. Ibu saya menangis apabila lagu kegemarannya dinyanyikan. Semua tetamu turut menyanyi bersama. Dan juga, semua tetamu kagum dengan keindahan hiasan di dalam hotel anda.

Saya sungguh terhutang budi kepada ketua pelayan yang bersusah payah membawa salah seorang tetamu kami, yang tiba-tiba sakit, ke hospital dalam keretanya.

Saya dan keluarga saya pasti akan kembali ke hotel anda sekiranya kami mengadakan majlis-majlis pada masa depan, dan kami tentu akan memberitahu kawan-kawan kami yang merancang majlis seperti ini, mengenai hotel anda.

Sekian, terima kasih.

Adam Ismail

Jawab soalan-soalan ini:

- 32** Siapakah yang menyarankan dewan hotel ini kepada Adam?
..... [1]
- 33** Apakah perasaan Adam mengenai perbelanjaan untuk majlis ini
(i) sebelum majlis..... [1]
(ii) selepas majlis..... [1]
- 34** Apakah yang Adam buat untuk memastikan apa yang diminta ditepati?
..... [1]
- 35** Mengapakah Adam kagum dengan kecekapan kakitangan?
..... [1]
- 36** Mengapakah ibu Adam lambat sampai?
..... [1]
- 37** Apakah pendapat ibu Adam mengenai makanan yang disediakan untuk dia?
..... [1]
- 38** Apakah yang dibuat oleh para tetamu selepas makan?
..... [1]
- 39** Mengapakah ibu Adam menangis?
..... [1]
- 40** Apakah yang ketua pelayan hotel itu buat untuk menolong salah seorang tetamu majlis itu?
..... [1]

[Jumlah: 10 markah]

BLANK PAGE

Permission to reproduce items where third-party owned material protected by copyright is included has been sought and cleared where possible. Every reasonable effort has been made by the publisher (UCLES) to trace copyright holders, but if any items requiring clearance have unwittingly been included, the publisher will be pleased to make amends at the earliest possible opportunity.

University of Cambridge International Examinations is part of the Cambridge Assessment Group. Cambridge Assessment is the brand name of University of Cambridge Local Examinations Syndicate (UCLES), which is itself a department of the University of Cambridge.